

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

SKW106 - Pengantar Pengajian Pembangunan

Masa : [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi dua Bahagian (A dan B), **SEMBILAN** muka surat, termasuk **Satu Jadual** yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**BAHAGIAN A**

Semua soalan dalam Bahagian ini **WAJIB** dijawab.

Bagi bahagian ini tuliskan jawapan anda dalam ruang yang disediakan dalam kertas peperiksaan ini sahaja. Kemudian kepilkan kertas ini bersama dengan buku jawapan bagi soalan Bahagian B.

Terangkan atau berikan definisi ringkas:

1. Deklarasi Cocoyoc 1974

2. Kumpulan 77

...2/-

[SKW 106]

Angka Giliran:

3. OPEC

4. Pakatan Warsaw

5. Tujuan Suruhanjaya Brandt

6. Dunia "bipolar"

7. Dasar "glasnost" dan "perestroika"

...3/-

[SKW 106]

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

8. Institusi-institusi antarabangsa yang ditubuhkan di Bretton Woods

9. Pergerakan Negara Berkecuali (NAM)

10. Indeks Keperitan (Human Suffering Index)

11. Terangkan kaedah mengukur Kelaparan Dunia (global hunger)

12. Bezanya "kebuluran" dan "kekurangan pemakanan tahap kronik"?

...4/-

[SKW 106]  
Angka Giliran: \_\_\_\_\_

13. Dasar kependudukan "pro-natalist"

14. Kadar kesuburan

15. Marshall Plan

16. Perindustrian impot-gantian

17. Orde Baru Ekonomi Dunia (NIEO)

...5/-

[SKW 106]

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

18. Empat cara bagaimana pemindahan teknologi boleh berlaku.

19. Kepelbagaihan-bio (biodiversity)

20. GATT

[100 markah]

**BAHAGIAN B:**

Pilih **DUA** soalan sahaja daripada soalan-soalan di bawah. Tulis jawapan anda dalam buku soalan yang disediakan.

1. Bentangkan hujah-hujah yang mempertahankan bahawa kejadian kebuluran di dunia bukan disebabkan oleh keadaan semula jadi seperti bencana alam. Beri contoh-contoh yang jelas. [100 markah]
  
  
  
  
  
  
2. "Perindustrian dan pertumbuhan ekonomi tidak boleh diwujudkan dalam kadar dan skala yang terdapat sekarang kerana ini pasti akan bertentangan dengan hasrat mencapai pembangunan mampan secara global". Adakah anda setuju dengan kenyataan ini? Mengapa? [100 markah]
  
  
  
  
  
  
3. Bagi soalan ini rujuk kepada Jadual 1 di muka sebelah. Perhatikan perangkaan sebenar yang dikumpul dari enam buah negara di dunia ini (yang akan digelar A, B, C, D, E dan F ). Jawab soalan-soalan di bawah:
  - (i) Negara manakah yang boleh diklasifikasikan sebagai termasuk dalam kumpulan negara Selatan? Mengapa?
  
  - (ii) Negara manakah yang mempunyai ketidakseimbangan ekonomi yang paling ketara sekali di kalangan penduduknya? Mengapa, dan apakah keadaan di negara-negara lain?
  
  - (iii) Apakah ciri-ciri pembangunan yang boleh dipertunjukkan oleh perangkaan tentang konsumsi tenaga/kapita? Bincangkan.

[SKW 106]

- (iv) Mengapa negara A mempunyai lebih banyak penduduk bandar daripada negara B dan C, walaupun Keluaran Negara Kasar (KNK) per kapita di negara B dan C lebih tinggi daripada negara A? Apa agaknya ciri-ciri bandar yang mungkin terdapat di negara A?
  
- (v) Apakah hubungan petunjuk kadar kesuburan keseluruhan dan jumlah wanita yang mendapat pendidikan sekolah menengah? Bincangkan.

[100 markah]

4. Perluasan Eropah dan kenaikan kapitalisme boleh dibahagikan kepada empat tahap tertentu, iaitu:

- (i) Tahap penjarahan dan kenaikan perdagangan Eropah,
- (ii) Tahap kenaikan modal saudagar atau dagangan,
- (iii) Tahap kenaikan modal industri dan,
- (iv) Tahap imperialism baru.

Bincangkan bagaimana perkembangan di atas telah mencorakkan dunia seperti yang terdapat pada masa kini.

[100 markah]

...8/-

[SKW 106]

5. Apakah petunjuk serta ciri-ciri yang menandakan bahawa sesebuah negara itu sudah mencapai tahap negara perindustrian? Mengapa hampir semua negara di dunia ini akan cuba menuju ke tahap ini? Bincangkan beberapa fasa dalam sejarah perindustrian Negara Dunia Ketiga seperti Malaysia.

[100 markah]

-- oo ooo oo --

**Jadual 1: Petunjuk Sosial Bagi Beberapa Negara di Dunia**  
**(Perangkaan dipetik daripada The World Bank, *World Development Report 1989*, Oxford University Press)**

Negara	KNK per kapita (USD)	Jangka hayat semasa lahir (tahun)	Peratusan penduduk bandar dari jumlah semua penduduk	Konsumsi tenaga per kapita (bersamaan kilogram minyak)	Kadar kesuburan keseluruhan	Jumlah wanita bersekolah menengah setiap 100 lelaki (1986)	Peratusan pembahagian pendapatan isirumah di kalangan 10% yang tertinggi (angka dalam kurungan adalah tahun)	Peratusan pembahagian pendapatan isirumah di kalangan 20% yang terendah
A	250	53	53	380	6.8	58	46.4 (1976)	3.4
B	330	58	22	99	7.7	62	45.8 (1976)	2.6
C	1,810	70	40	771	3.8	98	39.8 (1973)	3.5
D	3,230	70	83	2,394	3.8	119	35.7 (1970)	3.0
E	11,480	75	97	4,844	1.6	96	21.5 (78-79)	7.9
F	15,760	78	77	3,232	1.7	99	22.4 (1979)	8.7

*Nota: Semua perangkaan adalah bagi tahun 1987, kecuali dicatitkan.*

170



338